

Keupayaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Semasa Latihan Mengajar dalam Pembentukan Guru Novis

(Capability for the Implementation of the Trainee Teacher Training Activities During the Teaching Practice to Develop Novice Teachers)

ABDUL RASID JAMIAN*, NURUL NADIAH RAZALI & SHAMSUDIN OTHMAN

ABSTRAK

Guru pelatih perlu didedahkan dengan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah. Proses ini akan membawa mereka berhadapan kesukaran semasa melaksanakan aktiviti tersebut. Sehubungan itu, kajian ini mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru pelatih seramai 173 terhadap latihan mengajar dengan aktiviti dan kesukaran melaksanakannya semasa menjalani latihan mengajar dalam usaha membentuk guru novis. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara persepsi terhadap latihan mengajar dan kesukaran melakukan aktiviti yang disenaraikan semasa latihan mengajar. Hubungan ini menunjukkan bahawa jika responden mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan mengajar, maka mereka merasa mudah untuk melakukan aktiviti semasa latihan mengajar dan begitulah sebaliknya. Dapatkan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dari segi persepsi terhadap latihan mengajar dan kesukaran melakukan aktiviti atau mengatasi masalah yang dihadapi. Guru pelatih didapati mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan mengajar dan menyatakan tidak menghadapi kesukaran melakukan aktiviti semasa latihan mengajar. Hal ini merupakan satu situasi yang amat memberangsangkan dalam usaha kita melahirkan guru-guru novis yang bermutu dan akan mendidik anak bangsa pada masa depan.

Kata kunci: Guru pelatih; guru novis; latihan mengajar; aktiviti pengajaran dan pembelajaran; pendidikan negara

ABSTRACT

Trainee teacher will be exposed to a variety of teaching and learning activities inside and outside the classroom. This process will bring them face difficulties when implementing these activities. Accordingly this study identifies whether there is a significant relationship between the perception of a total of 173 trainees for teaching practice and difficulties in implementing activities during their teaching practice in an effort to novice teachers. The findings show that there is a significant negative relationship between the perceptions of teaching practice and difficulty performing activities listed during teaching practice. This relationship suggests that if respondents have a positive perception of teaching practice, they find it easy to do activities during teaching practice and vice versa. The results also show a significant difference in terms of the perception of teaching practice and difficulty performing activities or solve the problems faced. Novice teachers found to have a positive perception of teaching practice and expressed no difficulties in performing activities during teaching practice. This is a situation which is encouraging in our efforts bore novice teacher quality and will educate our children in the future.

Keywords: Teacher trainee; novice teacher; teaching practice; teaching and learning activities; nation education

PENGENALAN

Guru pelatih yang mengikuti program latihan mengajar membawa bersama mereka pelbagai pengalaman dan pandangan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, institut pengajian pendidikan mengadakan latihan mengajar untuk menyiapkan diri guru pelatih menjadi guru yang berketrampilan. Latihan mengajar juga merupakan aspek penting dalam usaha guru pelatih menjalankan pengajaran sebenar pada masa depan.

Menurut Mohd Khairuddin dan Halimah (tahun?), kepemimpinan dan sikap guru memberi kesan yang tinggi dalam pembelajaran. Oleh hal yang demikian, strategi bagi memastikan terdapat perkaitan positif antara pengalaman dengan program praperkhidmatan harus dijadikan fokus dalam kajian tentang latihan mengajar (Booth et al. 1998). Mereka juga menyatakan terdapat aspek tertentu dalam aktiviti pengajaran yang boleh menimbulkan kejutan kepada guru pelatih semasa mereka berhadapan dengan pengalaman pertama menghadapi murid di dalam bilik darjah. Selain itu, guru pelatih mungkin dikejutkan dengan

situasi luar jangkaan terutamanya terhadap apa yang akan diajar dan bagaimana untuk mengajar.

Atara dan Denis pula menyatakan, persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar dan mendapat terdapat perbezaan dari segi fokus semasa menjalankan latihan mengajar. Guru pelatih yang tidak ada pengalaman mengajar lebih banyak menumpukan fokus pengajaran kepada isi kandungan mata pelajaran dan aspek teknikal semasa mengajar. Walau bagaimanapun, pengajaran mereka kurang memberikan impak kepada pembelajaran murid. Bagi guru pelatih yang mempunyai pengalaman mengajar pula, sebelum ini pernah didedahkan dengan aspek penyeliaan yang dapat membantu mereka melaksanakan aktiviti pengajaran dengan baik. Berdasarkan kajian Atara dan Denis (2003) menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan lebih bermakna kepada guru pelatih jika mereka mempunyai pengalaman mengajar dan didedahkan serta dibimbing untuk melaksanakannya.

Ini dinyatakan juga oleh Booth et al. (1998), pandangan guru-guru pelatih terhadap keadaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah dengan memberikan penekanan kepada faktor persekitaran bilik darjah dan ruang pembelajaran. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa faktor persekitaran bilik darjah dan ruang pembelajaran boleh menggalakkan atau memudahkan pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, bilik darjah yang dibina untuk bilangan murid yang terhad, tetapi terpaksa menampung bilangan murid yang banyak boleh menyukarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Keadaan sedemikian boleh mengehadkan interaksi antara kedua pihak.

Justeru, guru kembali kepada kaedah tradisional yang membosankan murid. Oleh itu, semasa latihan mengajar, aktiviti yang dijalankan perlu mengambil kira faktor persekitaran dan ruang pembelajaran. Semasa latihan mengajar, guru pelatih didedahkan dengan pelbagai aktiviti pengajaran di dalam dan luar bilik darjah. Menurut Rohani, Hazni dan Nordin (2010), ciri kualiti guru yang menjadi peramal terbaik bagi meningkatkan komitmen belajar pelajar. Proses ini akan membawa mereka berhadapan dengan beberapa kesukaran semasa melaksanakan aktiviti tersebut dan memerlukan keupayaan untuk mengatasinya. Persepsi mereka terhadap latihan mengajar dan kemampuan untuk mengatasi kepayahan yang dihadapi juga dijangka akan berbeza antara satu sama lain.

Usaha mempertingkat kemartabatan profesion perguruan, penyediaan guru amat perlu dilakukan dengan teratur dan bersistematik kerana peranan guru untuk mencapai objektif pendidikan negara adalah penting. Guru bukan sahaja setakat mengajar atau memberikan ilmu pengetahuan, tetapi juga mendidik iaitu membentuk sikap, nilai dan akhlak manusia. Justeru, guru yang dilatih perlu mempunyai sifat dedikasi semasa latihan mengajar dengan bimbingan pensyarah dan guru pembimbing (Syed Ismail 2013). Alat bantu mengajar juga memberi kesan dalam pembelajaran. Menurut Chew dan Rusdaini (2013), penggunaan alatan boleh memberi kesan yang

positif kepada para pelajar untuk menulis karangan masing-masing. Dalam usaha meningkatkan pencapaian penulisan karangan, teknik bercerita memberi kesan peningkatan prestasi penulisan murid-murid (Zuraini & Abdul Rasid 2014).

Kajian ini akan menjelaskan persepsi guru pelatih dalam melaksanakan aktiviti semasa menjalani latihan mengajar dan mengenal pasti sama ada mereka menghadapi kesukaran dalam melakukan aktiviti tersebut dalam usaha membentuk guru novis yang akan melatari dunia pendidikan. Di samping itu, kajian ini akan mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar dengan aktiviti dan kesukaran melaksanakannya semasa latihan mengajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti persepsi guru pelatih dalam melaksanakan aktiviti semasa latihan mengajar dalam usaha menjadi guru novis yang cemerlang.
2. Mengetahui kesukaran melaksanakan aktiviti semasa menjalani latihan mengajar.
3. Mengkaji hubungan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar dengan aktiviti.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif ini, soalan kajian berikut dikemukakan iaitu:

1. Apakah persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar?
2. Adakah terdapat kesukaran guru pelatih dalam melakukan aktiviti semasa latihan mengajar?
3. Adakah terdapat hubungan antara persepsi dengan aktiviti yang dilakukan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar?

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif-korelasi dengan menggunakan soal selidik untuk mengumpul data. Populasi kajian terdiri daripada guru pelatih dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah menengah di Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Jumlah populasi ialah 430 orang. Dengan menggunakan jadual penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1971), sebanyak 205 guru pelatih diperlukan sebagai sampel kajian untuk mewakili populasi tersebut. Usaha memastikan guru pelatih daripada setiap bidang pengajian terpilih, teknik persampelan kelompok

digunakan. Sebanyak 50 peratus guru pelatih daripada setiap bidang pengajian dipilih secara rawak mudah. Hasilnya, sebanyak 215 guru pelatih telah dipilih sebagai sampel kajian. Jumlah ini melebihi jumlah minimum sampel yang diperlukan untuk kajian ini.

INSTRUMEN

Instrumen untuk mengukur persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar, aktiviti yang dilaksanakan semasa latihan mengajar, dan kesukaran melaksanakannya telah dibentuk oleh penyelidik sendiri. Instrumen berkenaan telah diserahkan kepada panel pakar yang terdiri daripada guru dan pensyarah untuk menentukan kesahan kandungan. Komen yang diberikan oleh panel pakar telah digunakan untuk membaiki item dalam instrumen-instrumen berkenaan. Kajian rintis telah dilaksanakan untuk memastikan kesahan muka dan juga menentukan pekali kebolehpercayaan instrumen tersebut. Sekumpulan 30 guru pelatih yang tidak dipilih sebagai sampel kajian telah dilibatkan dalam kajian rintis ini. Komen responden dalam kajian rintis telah diambil kira dalam pembetulan item dan rupa bentuk soal selidik.

Pekali kebolehpercayaan instrumen ditentukan dengan menggunakan alpha Cronbach. Pekali kebolehpercayaan untuk mengukur persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar ialah 0.89, aktiviti semasa latihan mengajar ialah 0.87 dan kesukaran dalam melaksanakan aktiviti berkenaan ialah 0.86. Skala untuk mengukur persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar ialah 1 untuk sangat tidak setuju, 2 untuk tidak setuju, 3 untuk tidak pasti, 4 untuk setuju dan 5 untuk sangat setuju. Skala untuk mengukur aktiviti yang dijalankan semasa latihan mengajar ialah 1 untuk tidak pernah dilakukan/berlaku, 2 untuk jarang dilakukan/berlaku dan 3 untuk selalu dilakukan/berlaku. Skala untuk kesukaran melakukan aktiviti semasa latihan mengajar pula ialah 1 untuk tidak sukar, 2 untuk sedikit sukar, 3 untuk sukar dan 4 untuk sangat sukar.

PENGUMPULAN DATA

Soal selidik yang telah diubah suai berlandaskan komen panel pakar dan kajian rintis telah dihantar secara pos kepada responden yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah menengah di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Responden diberi masa selama lebih kurang dua minggu untuk memberi respons kepada item-item dalam soal selidik berkenaan. Pada akhir tempoh masa yang diberikan, mereka dikehendaki mengembalikan soal selidik yang telah siap diisi kepada penyelidik dengan menggunakan sampul surat bersetem yang disertakan kepada mereka bersama-sama dengan soal selidik. Sebanyak 163 responden mengembalikan soal selidik setelah tamat tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini bermakna hanya 76.7% responden telah mengembalikan soal selidik.

Untuk memastikan lebih banyak responden mengembalikan soal selidik berkenaan, penyelidik telah

menghantar surat peringatan dan soal selidik kepada mereka yang belum mengembalikan soal selidik. Hasil usaha ini, sebanyak 10 orang responden telah mengembalikan soal selidik mereka. Ini menjadikan jumlah keseluruhan soal selidik yang diterima ialah 173, iaitu 80.5%. Soal selidik yang lambat diterima telah dianalisis untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dengan soal selidik yang diterima lebih awal. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua soal selidik berkenaan. Oleh itu, soal selidik yang lambat diterima telah disatukan dengan soal selidik yang diterima terdahulu untuk dianalisis seterusnya.

ANALISIS DATA

Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 18.0. Data deskriptif dianalisis dengan menggunakan kecenderungan memusat, frekuensi, min dan sisihan piawai. Hubungan antara pemboleh ubah ditentukan dengan menggunakan pekali korelasi Pearson Product Moment (r). Perbezaan antara pemboleh ubah ditentukan dengan menggunakan ujian-t.

DAPATAN KAJIAN

Daripada 215 soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terlibat sebagai sampel kajian, sebanyak 173 soal selidik (80.5%) telah dianalisis. Daripada jumlah ini, sebanyak 90 (52.0%) responden adalah lelaki dan 83 (48.0%) responden adalah perempuan. Secara keseluruhannya, responden mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap latihan mengajar ($\text{min} = 2.98$, $\text{sp} = .42$). Dari segi aktiviti yang dilakukan semasa menjalani latihan mengajar, senarai aktiviti yang dilakukan atau berlaku adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1. Hanya 15 aktiviti yang selalu dilakukan atau berlaku semasa menjalani latihan mengajar dipaparkan. Selain itu, Jadual 1 juga memaparkan darjah kesukaran dalam melakukan aktiviti berkenaan sepetimana yang dilaporkan oleh responden.

Berdasarkan dapatan menunjukkan bahawa guru pelatih melakukan aktiviti rutin/biasa sebagai guru, iaitu antaranya menulis rancangan mengajar, menyesuaikan diri dengan murid-murid, menjalani latihan mengajar dengan bersungguh-sungguh, berpakaian kemas dan mematuhi arahan guru, atau pentadbir. Jelas menunjukkan bahawa guru pelatih bersedia untuk menjadi guru yang cemerlang. Manakala jika dilihat dalam tahap kesukaran melakukan aktiviti pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa yang agak sukar iaitu memilih alat bantu mengajar, merancang aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur murid-murid, menulis rancangan pengajaran dan menyusun kandungan pelajaran. Sesungguhnya, dapatan ini menunjukkan bahawa kekurangan pengalaman dalam situasi sebenar membuatkan guru pelatih mengalami sedikit kesukaran melakukan aktiviti-aktiviti yang kerap mereka lakukan.

JADUAL 1. Aktiviti yang kerap dilakukan semasa latihan mengajar dan darjah kesukaran melakukannya atau mengatasinya

Item	N	Kekerapan Berlaku		Kesukaran Mengatasinya	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1. Menulis rancangan pelajaran	173	3.0	.20	1.5	.67
2. Menyesuaikan diri dengan murid	173	3.0	.26	1.2	.44
3. Menjalani latihan mengajar dengan bersungguh-sungguh	173	3.0	.18	1.2	.51
4. Berpakaian kemas ke sekolah	173	3.0	.23	1.0	.17
5. Melaksanakan arahan Pengetua	173	3.0	.23	1.1	.32
6. Mendapat kerjasama murid	173	2.9	.39	1.2	.49
7. Memperkenalkan tajuk atau topik pelajaran	173	2.9	.38	1.2	.43
8. Menyesuaikan penerangan ke tahap pemahaman pelajar	173	2.9	.32	1.5	.63
9. Merancang aktiviti pengajaran yang sesuai dengan peringkat umur murid	173	2.9	.37	1.6	.75
10. Mengajar dengan penuh semangat	173	2.9	.29	1.4	.62
11. Menghidupkan pengajaran dan pembelajaran	173	2.9	.36	1.5	.65
12. Membentuk persahabatan dengan guru lain	173	2.9	.40	1.2	.43
13. Membuat persiapan yang mencukupi	173	2.9	.24	1.4	.62
14. Menyusun kandungan pelajaran	173	2.9	.27	1.5	.64
15. Memilih alat bantu mengajar yang sesuai	173	2.9	.27	1.7	.75

Jadual 2 menunjukkan 15 aktiviti yang jarang dilakukan atau berlaku semasa menjalani latihan mengajar dan darjah kesukaran melakukannya atau mengatasinya. Walaupun jarang dilakukan atau berlaku, responden menyatakan kebanyakan aktiviti tersebut sedikit sukar

dilakukan atau mengatasinya. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti tersebut merupakan aktiviti tambahan yang kurang diberi perhatian oleh guru pelatih semasa latihan mengajar.

JADUAL 2. Aktiviti yang jarang dilakukan semasa latihan mengajar dan darjah kesukaran melakukannya atau mengatasinya

Item	N	Kekerapan Berlaku		Kesukaran Mengatasinya	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai
1. Mendapat kendaraan untuk ke sekolah	173	2.5	.79	1.4	.77
2. Menerima teguran guru lain	173	2.4	.76	1.1	.37
3. Meminta pertolongan guru lain di sekolah	173	2.4	.63	1.3	.66
4. Mengatasi masalah kerisauan	173	2.3	.65	1.7	.77
5. Berbincang dengan pengetua sekolah	173	2.3	.69	1.7	.94
6. Merancang kegiatan kokurikulum dengan berkesan	173	2.3	.79	1.7	.89
7. Mengetahui latar belakang setiap murid	173	2.3	.60	1.8	.80
8. Mengatasi arahan berkonflik daripada pihak sekolah dan universiti	173	2.2	.84	1.4	.64
9. Mengatasi komen yang bertentangan daripada penyelia pertama dan kedua	173	2.2	.81	1.4	.72
10. Menyelesaikan masalah peribadi murid	173	2.2	.71	1.6	.70
11. Mengajar murid secara individu	173	2.2	.69	1.5	.69
12. Mencari tempat tinggal	173	2.1	.84	1.7	1.01
13. Melibatkan diri dalam unit beruniform	173	2.0	.85	1.8	.99
14. Menghadiri perjumpaan antara guru dan ibu bapa	173	1.9	.85	1.8	1.01
15. Menghadapi ‘permusuhan’ murid	173	1.6	.59	1.5	.76

Jadual 3 pula menunjukkan hubungan antara boleh ubah yang dikaji, iaitu persepsi terhadap latihan mengajar, kekerapan melakukan atau berlakunya aktiviti semasa latihan dan kesukaran melakukannya atau mengatasinya. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat hubungan negatif yang signifikan antara persepsi terhadap latihan mengajar dan kesukaran melakukan aktiviti yang dinyatakan oleh responden semasa latihan mengajar. Hubungan ini menunjukkan jika responden mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan mengajar, maka

mereka merasa mudah untuk melakukan aktiviti semasa latihan mengajar. Begitulah keadaan sebaliknya berlaku jika mereka mempunyai persepsi yang negatif terhadap latihan mengajar, mereka akan merasai kesukaran untuk melakukan aktiviti semasa latihan mengajar. Walau bagaimanapun, dapatkan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi terhadap latihan mengajar dan kekerapan melakukan aktiviti semasa latihan mengajar.

JADUAL 3. Hubungan antara boleh ubah

	Persepsi terhadap latihan mengajar	Kekerapan berlaku	Kesukaran mengatas
Persepsi terhadap latihan mengajar	1	.142	-.178(*)
Kekerapan berlaku	.142	1	-.372(**)
Kesukaran mengatas	-.178(*)	-.372(**)	1

N = 173

(**) signifikan $p < 0.05$.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

PERSEPSI GURU PELATIH TERHADAP LATIHAN MENGAJAR

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap latihan mengajar. Hal ini dapat dilihat melalui aktiviti memilih alat bantu mengajar yang sesuai dan merancang aktiviti pengajaran yang sesuai dengan peringkat umur murid. Ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Chew dan Rusdaini (2013).

Di samping itu, aktiviti menulis rancangan pelajaran, menyesuaikan penerangan ke tahap pemahaman murid, menghidupkan pengajaran dan pembelajaran dan menyusun kandungan pelajaran menunjukkan pada tahap sederhana. Walaupun demikian, guru pelatih menunjukkan reaksi yang positif untuk melakukan latihan mengajar sedayaupaya mereka dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.

AKTIVITI GURU PELATIH SEMASA LATIHAN MENGAJAR

Kajian ini membahagikan aktiviti harian guru-guru pelatih semasa latihan mengajar kepada dua aspek, iaitu aktiviti yang kerap dilakukan dan aktiviti yang jarang dilakukan semasa latihan mengajar. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 15 aktiviti yang kerap dilakukan oleh guru pelatih semasa latihan mengajar. Aktiviti-aktiviti seperti menulis rancangan mengajar, merancang aktiviti pengajaran, menyesuaikan diri dengan murid, membentuk persahabatan dengan guru lain dan memilih alat bantu mengajar yang sesuai sememangnya tidak dapat dielakkan oleh guru-guru pelatih. Ini juga

dinyatakan oleh Zuraini dan Abdul Rasid (2014), yang memberi penekanan bahawa teknik bercerita memberi kesan yang positif dalam penulisan karangan naratif.

Walau bagaimanapun, mereka mempunyai persepsi bahawa menulis rancangan pelajaran, memilih bahan bantu mengajar yang sesuai, merancang aktiviti pengajaran, menyusun kandungan pelajaran, dan menghidupkan pengajaran dan pembelajaran agak sukar untuk diatasi atau dilakukan semasa latihan mengajar. Persepsi guru-guru pelatih untuk mengatasi kesukaran atau melakukan aktiviti berkenaan mungkin berbeza jika mereka dapat menguasai dengan baik dua aspek penting iaitu kebolehan merancang dan teknik pengurusan kelas sebagaimana yang disarankan oleh Henry dan Osman (2001). Kajian mereka menunjukkan bahawa aspek teknik pengurusan kelas, kebolehan merancang dan penguasaan isi kandungan mata pelajaran penting untuk dikuasai oleh guru pelatih bagi menangani aktiviti latihan mengajar.

Terdapat beberapa aktiviti yang jarang dilakukan atau jarang berlaku semasa guru pelatih menjalani latihan mengajar. Aktiviti seperti mendapat kenderaan untuk ke sekolah, menerima teguran guru lain, meminta pertolongan guru lain di sekolah, mengatasi masalah kerisauan dan berbincang dengan pengetua sekolah agak jarang dilakukan oleh guru-guru pelatih. Walau agaimanapun, jika aktiviti-aktiviti berkenaan berlaku, ia tidak bermakna bahawa guru-guru pelatih akan dapat mengatasinya dengan mudah. Dapatkan menunjukkan bahawa tahap kesukaran untuk mengatasi atau melakukan aktiviti-aktiviti yang jarang dilakukan itu adalah agak serupa dan ada yang lebih sukar untuk diatasi atau dilakukan berbanding dengan aktiviti yang kerap dilakukan semasa latihan mengajar.

HUBUNGAN ANTARA PERSEPSI TERHADAP LATIHAN MENGAJAR DENGAN KESUKARAN MELAKUKAN AKTIVITI SEMASA LATIHAN MENGAJAR

Perhubungan negatif yang signifikan antara persepsi guru pelatih terhadap latihan mengajar dan kesukaran aktiviti yang disenaraikan semasa latihan mengajar dapat dilihat daripada dapatan kajian ini. Hubungan ini menunjukkan bahawa persepsi yang lebih positif terhadap latihan mengajar dalam kalangan guru-guru pelatih dijangka membawa kesan positif dalam usaha mengatasi kesukaran yang dihadapi semasa menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah disenaraikan.

Guru pelatih yang mempunyai persepsi yang lebih positif terhadap latihan mengajar dijangka akan lebih mudah untuk mengatasi kesukaran yang dihadapi berbanding dengan mereka yang agak negatif persepsinya terhadap latihan mengajar. Ada kemungkinan, dalam jangka panjang ia boleh membawa kesan kepada kerjaya guru pelatih berkenaan. Jika dilihat kepada dapatan kajian oleh Bonnie dan Lawrence (1992), guru-guru pelatih perlu menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap aktiviti latihan mengajar kerana hanya dengan komitmen yang tinggi barulah akan memudahkan pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Di samping itu, komitmen juga boleh menjadi laras untuk mengukur kesetiaan guru pelatih untuk terus kekal bersama profesion keguruan dan seterusnya menjadi guru novis yang cemerlang.

CADANGAN

Kajian ini memberi cadangan yang selari dengan dapatan dan perbincangan di atas. Guru pelatih perlu diberikan pendedahan awal tentang persekitaran sekolah sejak mereka mula mengikuti program perguruan untuk membiasakan diri mereka dengan iklim sekolah yang sebenar. Pendedahan boleh dibuat melalui pelbagai aktiviti yang sistematik mengikut tahun/tahap pengajian mereka di universiti. Ini akan memastikan guru pelatih sentiasa mendekatkan diri mereka dengan alam sekolah dan membolehkan mereka menghayati kehidupan guru-guru di sekolah.

Sehubungan itu, latihan mengajar yang lebih tersusun dan perhatian yang lebih serius perlu diberikan kepada pengurusan latihan mengajar. Pengurusan latihan mengajar perlu dijalankan dengan lebih profesional supaya pencapaian objektif latihan mengajar akan lebih efektif dan bermakna kepada semua pihak yang terlibat. Aspek penyusunan aktiviti dalam latihan mengajar perlu diperbaiki lagi. Latihan mengajar yang cuma lebih kurang tiga bulan dan dikendalikan pada akhir tempoh pengajian kurang berkesan jika waktu penempatan latihan mengajar guru pelatih di sekolah tidak bersesuaian dengan takwim sekolah. Ini akan menyebabkan guru pelatih tidak menjalani latihan mengajar secara sepenuhnya dan ini amat memberi kesan apabila mereka menjadi guru novis yang kurang pendedahan.

Bagi membolehkan persediaan guru yang mapan, pewujudan Sekolah Makmal akan memberi peluang kepada guru pelatih mengamalkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran secara langsung (hands-on). Di samping itu, guru pelatih akan dapat mengaplikasikan kemahiran mengajar dan menjalankan aktiviti serta berkeupayaan menyelesaikan masalah yang timbul dengan lebih cekap. Di samping itu akan memahirkan guru dalam pengajaran, khususnya elemen pedagogi, ia dapat membantu guru pelatih mempraktikkan teori-teori yang mereka pelajari di kuliah dalam situasi yang sebenar.

Guru pelatih perlu berfikiran positif terhadap latihan mengajar. Pemikiran sebegini akan memudahkan mereka dalam melakukan aktiviti semasa latihan mengajar. Untuk membentuk pemikiran positif dalam kalangan guru pelatih mereka perlu diberitahu tentang kepentingan latihan mengajar dan mengapa mereka perlu menjalannya. Selain itu, mereka perlu dimotivasikan supaya dengan mempunyai motivasi yang tinggi, mereka akan lebih bersemangat untuk menjalani latihan mengajar dan seterus mempunyai persepsi yang positif terhadap latihan mengajar dan seterusnya menjadi pendidikan yang berwibawa dalam menentukan wawasan dan harapan negara.

RUJUKAN

- Atara, S. & Dennis Chan. 2003. Supervised teaching practice as a partnership process: Novice and experienced student-teachers' perceptions. *Mentoring and Tutoring: Partnership and Learning* 11(2): 183-194.
- Booth, E. et al. 1998. *Student teachers' perceptions of teaching and learning conditions in Fiji and Maldives*. A paper presented to Australian Association of Educational Research Annual Conference. Adelaide.
- Bonnie S.B. & Lawrence W.C. 1992. Predictors of commitment, job satisfaction, and intent to stay in teaching: a comparison of general and special educators. *Journal of Special Education* 25(4): 453.
- Chew Fong Peng & Rusdaini Mohamad. 2013. Keberkesanan penggunaan alatan dalam kalangan pelajar tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(1): 13-30.
- Henry, S.W. & Osman, A. 2001. Student teachers perceptions of a teacher training program. *College Student Journal* 35(1): 113.
- Krecjie, R.V. & Morgan, D.W. 1971. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Movement* 30: 606-610.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. 2014. Kepemimpinan pengajaran dan sikap guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(1): 48-58.
- Rohani Arbaa, Hazni Jamil & Nordin Abd Razak. 2010. Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen belajar pelajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.
- Syed Ismail Syed Mustapa. 2013. Amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(1): 71-78.

Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian. 2014. Kesan bercerita terhadap pencapaian penulisan karangan naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 4(1): 11-18.

Abdul Rasid Jamian*, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
Malaysia

*Pengarang untuk surat-menyurat; email: arasid@upm.edu.my

Diserahkan: 3 Ogos 2014

Diterima: 5 Januari 2015

